# GARIS PANDUAN PENILAIAN PENERIMA ANUGERAH PERINGKAT UNIVERSITI SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN UMT

## 1.0. PENGENALAN

Senat dalam mesyuaratnya kali ke-88 pada 26 Julai 2016 telah meluluskan penambahbaikan kriteria bagi penerima anugerah peringkat universiti. Kategori anugerah-anugerah peringkat universiti adalah sepertimana yang disenaraikan di **para 2.0** dan perinciannya adalah sepertimana di **para 3.0.**

## 2.0. KATEGORI ANUGERAH

### 2.1 Graduan Sarjana Muda

a) Anugerah Pelajaran Diraja
b) Anugerah Pingat Emas Canselor
c) Anugerah Naib Canselor

### 2.2 Graduan Pasca Siswazah

a) Anugerah Pro Canselor (Doktor Falsafah)
b) Anugerah Pengerusi LPU (Sarjana)

## 3.0 PERINCIAN ANUGERAH

### 3.1 Graduan Sarjana Muda

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>ANUGERAH</th><th>PERINCIAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA</td><td>
<u>Kriteria</u>:-
a) Diberikan kepada dua (2) orang graduan (bumiputera dan bukan bumiputera) peringkat Sarjana Muda yang cemerlang dengan markah/merit yang tertinggi berdasarkan kriteria berikut:
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pencapaian Akademik (PNGK Minimum: 3.50)</td><td>70%</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Kepimpinan/ Sukan/ Kesukarelawanan/ Kesenian/ Sumbangan Lain</td><td>25%</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Anugerah Yang Diperolehi (Awards)</td><td>5%</td></tr>
</table>
<u>Bentuk Hadiah:</u>-
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pingat Jaya Cemerlang bersadur emas</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Cek atas nama pemenang bernilai RM5,000.00</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Sijil Penghargaan</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>ANUGERAH PINGAT EMAS CANSELOR</td><td>
<u>Kriteria</u>:-
Diberikan kepada seorang graduan peringkat Sarjana Muda yang cemerlang dengan markah/merit yang tertinggi berdasarkan kriteria berikut:
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pencapaian Akademik (PNGK Minimum: 3.50)</td><td>70%</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Kepimpinan/ Sukan/ Kesukarelawanan/ Kesenian/ Sumbangan Lain</td><td>25%</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Anugerah Yang Diperolehi (Awards)</td><td>5%</td></tr>
</table>
<u>Bentuk Hadiah</u>:-
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pingat bersadur emas</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Cek atas nama pemenang bernilai RM3,000.00</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Sijil Penghargaan</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>ANUGERAH NAIB CANSELOR</td><td>
<u>Kriteria</u>:-
Diberikan kepada seorang pelajar cemerlang daripada setiap Pusat Pengajian dengan markah/merit yang tertinggi berdasarkan kriteria berikut:
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pencapaian Akademik (PNGK Minimum: 3.50)</td><td>70%</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Kepimpinan/ Sukan/ Kesukarelawanan/ Kesenian/ Sumbangan Lain</td><td>25%</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Anugerah Yang Diperolehi (Awards)</td><td>5%</td></tr>
</table>
<u>Bentuk Hadiah</u>:-
<table>
<tr><td>1)</td><td>Cek atas nama pemenang bernilai RM1,000.00</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Sijil Penghargaan</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

### 3.2 Graduan Pasca Siswazah

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>ANUGERAH</th><th>PERINCIAN</th></tr>
<tr><td>4.</td><td>ANUGERAH PRO-CANSELOR</td><td><u>Kriteria</u>:-<br><br>Diberikan kepada dua (2) orang graduan peringkat Doktor Falsafah secara Penyelidikan iaitu seorang dari bidang Sains dan seorang dari bidang Sains Sosial yang cemerlang dengan markah/merit yang tertinggi berdasarkan kriteria berikut:<br><br>
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pencapaian Akademik</td><td>70%</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Kepimpinan/ Sukan/ Kesukarelawanan/ Kesenian/ Sumbangan Lain</td><td>25%</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Anugerah Yang Diperolehi (Awards)</td><td>5%</td></tr>
</table><br>
<u>Bentuk Hadiah</u>:-
<table>
<tr><td>1)</td><td>Cek atas nama pemenang bernilai RM2,500.00</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Sijil Penghargaan</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>5.</td><td>ANUGERAH PENGERUSI LPU</td><td><u>Kriteria</u>:-<br><br>Diberikan kepada dua (2) orang graduan peringkat Sarjana secara Penyelidikan iaitu seorang daripada bidang Sains dan seorang seorang daripada bidang Sains Sosial yang cemerlang dengan markah/merit yang tertinggi berdasarkan kriteria berikut:<br><br>
<table>
<tr><td>1)</td><td>Pencapaian Akademik</td><td>70%</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Kepimpinan/ Sukan/ Kesukarelawanan/ Kesenian/ Sumbangan Lain</td><td>25%</td></tr>
<tr><td>3)</td><td>Anugerah Yang Diperolehi (Awards)</td><td>5%</td></tr>
</table><br>
<u>Bentuk Hadiah</u>:-<br><br>
<table>
<tr><td>1)</td><td>Cek atas nama pemenang bernilai RM2,000.00</td></tr>
<tr><td>2)</td><td>Sijil Penghargaan</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

## 4.0 PANDUAN PENILAIAN

### 4.1 Pencapaian Akademik (70 markah)

#### a) <u>Pengajian Sarjana Muda</u>

Markah diberikan berdasarkan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) mengikut formula di bawah:-

$$\frac{\text{PNGK}}{4.00} \times 70$$

**b) <u>Pengajian Pasca Siswazah Struktur Penyelidikan</u>**

Markah diberikan berdasarkan tesis yang dibuat dengan berpandukan perkara berikut:-

1) *Thesis Examination* – hanya pelajar yang mendapat syor tesis terbaik (good thesis) dengan status sekurang-kurangnya *minor correction* semasa Viva layak dicalonkan bagi anugerah peringkat universiti ;

2) Kemajuan Pengajian (50 markah);

| TEMPOH PENGAJIAN | MARKAH |
|---|---|
| Mengikut tempoh pengajian yang ditetapkan/*Graduate on time (GOT)* | 50 |
| Sambung satu (1) semester daripada tempoh pengajian yang ditetapkan | 45 |
| Sambung dua (2) semester daripada tempoh pengajian yang ditetapkan | 40 |
| Sambung 3-4 semester daripada tempoh pengajian yang ditetapkan | 35 |
| Sambung lebih daripada empat (4) semester daripada tempoh pengajian yang ditetapkan | 0 |

3) Penerbitan (20 markah);

| JUMLAH PENERBITAN | MARKAH |
|---|---|
| Menghasilkan dua dan lebih (≥ 2) penerbitan | 20 |
| Menghasilkan satu (1) penerbitan | 10 |

## 4.2 Kepimpinan/ Sukan/Kesenian/Sukarelawan/Sumbangan Lain (25 markah)

Markah diberikan berdasarkan pencapaian mengikut formula di bawah:-

$$\frac{\text{Markah diperolehi}}{50} \times 25$$

## a) Kepimpinan

| |
|---|
| Memegang jawatan sebagai **Majlis Tertinggi atau jawatan penting dalam persatuan/kelab/Majlis Tertinggi Pelajar** yang berdaftar dan diiktiraf oleh pihak Universiti (UMT): |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **a)** | **Antarabangsa/Kebangsaan** | | |
| 1) | YDP/Presiden | 10 | |
| 2) | Timbalan/Naib | 9 | |
| 3) | Setiausaha | 8 | |
| 4) | Bendahari | 7 | |
| 5) | Ketua Biro/Exco | 6 | |
| 6) | Sekretariat | 5 | |
| **b)** | **Universiti** | | |
| 1) | YDP/Presiden | 9 | |
| 2) | Timbalan/Naib | 8 | |
| 3) | Setiausaha | 7 | |
| 4) | Bendahari | 6 | |
| 5) | Ketua Biro/Exco | 5 | |
| 6) | Sekretariat | 4 | |
| **c)** | **Badan Pelajar/Kolej** | | |
| 1) | YDP/Presiden | 7 | |
| 2) | Timbalan/Naib | 6 | |
| 3) | Setiausaha | 5 | |
| 4) | Bendahari | 4 | |
| 5) | Ketua Biro/Exco | 3 | |
| 6) | Ketua Blok/Rakan Kolej/AJK | 2 | |

## b) Aktiviti Sukan/ Sukarelawan/ Kesenian/ Sumbangan Lain

i) Penglibatan

| **PERINGKAT PENGLIBATAN /MATA** | | | |
|---|---|---|---|
| **Badan Pelajar/PTJ** | **UMT/Negeri** | **Kebangsaan** | **Antarabangsa** |
| 4 | 6 | 8 | 10 |

*<u>Nota</u>: Satu (1) penglibatan peringkat antarabangsa = Dua (2) penglibatan peringkat kebangsaan = Tiga (3) penglibatan peringkat negeri/UMT*

ii) Pencapaian

| PENCAPAIAN | PERINGKAT/MATA | | |
|---|---|---|---|
| | Badan Pelajar/ UMT/Negeri | Kebangsaan | Antarabangsa |
| 1) Pingat Emas/Johan | 3 | 4 | 5 |
| 2) Pingat Perak/Naib Johan | 2 | 3 | 4 |
| 3) Pingat Gangsa/Ketiga | 1 | 2 | 3 |

### 4.3 Anugerah/Pengiktirafan (5 markah)

| Peringkat | Mata |
|---|---|
| Antarabangsa | 5 |
| Kebangsaan | 4 |
| Negeri | 3 |
| Universiti/UMT | 2 |

## 5.0 KAEDAH PEMILIHAN

### 5.1 Pengajian Sarjana Muda

a) Setiap Pusat Pengajian akan mengemukakan dua (2) orang calon iaitu seorang (1) calon bumiputera dan seorang (1) calon bukan bumiputera berdasarkan markah/merit tertinggi mengikut kriteria yang ditetapkan. Kesemua 16 pencalonan akan dihimpunkan (*pool*) dan disusun berdasarkan kedudukan (*ranking*).

b) Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja (dua orang) dan Anugerah Pingat Emas Canselor (satu orang) akan dipilih daripada 16 calon terbaik yang dikemukakan.

c) Penerima Anugerah Naib Canselor (Cemerlang di Pusat Pengajian) akan ditentukan kemudiannya oleh Pusat Pegajian sendiri daripada 13 calon yang tidak terpilih sebagai penerima Anugerah Pelajaran DiRaja dan Anugerah Pingat Emas Canselor dalam (b).

d) Sekiranya kedua-dua calon dari satu Pusat Pengajian yang sama terpilih untuk menerima Anugerah Pelajaran DiRaja dan/atau Anugerah Pingat Emas Canselor, Pusat Pengajian tersebut akan mengemukakan calon ketiga tertinggi markah/meritnya sebagai penerima Anugerah Naib Canselor.

**5.2 Pengajian Pasca Siswazah**

a) Pusat Pengurusan Siswazah memohon pencalonan untuk penerima Anugerah Pro Canselor dan Anugerah Pengerusi LPU dari Pusat Pengajian/ Pendidikan berdasarkan markah/merit tertinggi mengikut kriteria yang ditetapkan.

b) Senarai calon akan disusun berdasarkan kedudukan (*ranking*) mengikut bidang Sains dan Sains Sosial, untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan oleh Pusat Pengurusan Siswazah.

**5.3 Jawatankuasa Pemilihan Penerima Anugerah**

Pemilihan dibuat oleh satu Jawatankuasa *ad-hoc* berkecuali yang tidak mempunyai kepentingan di Pusat Pengajian.